

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN**

3. Adakah Kerajaan Negeri akan *top-up* supaya sekurang-kurangnya elaun Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) RM700.00 dan elaun Setiausaha JKKK RM600.00 adalah sama seperti Pilihan Raya Umum Malaysia ke-13 (PRU-13) dan bukannya turun ke RM500.00 untuk Pengerusi dan RM300.00 untuk Setiausaha?
- (a) Adakah elaun RM500.00 kepada Pengerusi JKKK dan RM300.00 kepada Setiausaha dari Kementerian merupakan tambahan *top-up* kepada elaun Kerajaan Negeri?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Sehingga kini, Kerajaan Negeri belum menerima sebarang dasar berkenaan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) secara rasmi daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). Oleh itu, Kerajaan Negeri akan terus membayar elaun Pengerusi JKKK sebanyak RM700.00 dan elaun Setiausaha JKKK sebanyak RM600.00 sehingga ketetapan baharu diperolehi dari pihak Kementerian.

Kerajaan Negeri berpandangan elaun Pengerusi JKKK RM500.00 dan elaun Setiausaha JKKK RM300.00 adalah elaun yang akan dibayar daripada peruntukan KPLB dan bukannya *top up* ke atas elaun sedia ada yang dibayar oleh Kerajaan Negeri. Status bayaran ini akan diselaras semula dengan KPLB setelah bayaran

tersebut diterima.